

Mengurangkan jalan raya ‘bertanda nisan’

Noor
Mohamad
Shaki
Hameed



Syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan sebuah jabatan khas di Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengurangkan kadar kemalangan, terutama kemalangan maut di negara kita. Jabatan baru ini dikenali sebagai Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT). Ia satu lagi manifestasi kerajaan yang memandang serius peningkatan kadar kemalangan maut di negara kita misalnya sepanjang 2015 jumlah kemalangan jalan raya mencatatkan peningkatan tinggi iaitu 489,606 kes dengan jumlah kematian 6,193 kes.

Langkah kerajaan menubuhkan sebuah jabatan khas untuk menangani masalah kemalangan boleh disifatkan sebagai satu keputusan yang cukup tepat sekali. Hal ini kerana jalan raya terus bermandi darah dan bilangan rakyat terkorban akibat kemalangan maut terus meningkat dan amat membimbangkan. Kalau dulu kemalangan maut banyak dikaitkan dengan musim perayaan yang besar, jumlah kemalangan, terutama membabitkan maut akan terus meningkat secara mendadak.

Namun, sekarang keadaannya agak berbeza apabila hampir setiap hari kita disajikan dengan berita dan laporan kemalangan maut. Malah, lebih merisaukan apabila kemalangan yang berlaku itu membabitkan skala besar di mana bilangan nyawa terkorban dalam satu-satu kemalangan agak ramai. Lebih memilukan apabila dalam sekelip mata seorang anak menjadi anak yatim piatu apabila seluruh ahli keluarganya terkorban dalam nahtas jalan raya, begitu juga dengan ibu bapa yang kehilangan anak, isteri kehilangan suami dan juga sebaliknya.

Justeru, kita berharap jabatan baru ini dapat membuka lembaran baru dalam mentransformasikan pengurusan trafik dan juga kemalangan di negara kita. Dari segi pengurusan trafik misalnya isu penguatkuasaan saman masih menjadi isu besar umpama duri dalam daging. Masalah saman

tertunggak, pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan terkini cadangan pelaksanaan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (Awas) yang menggabungkan AES dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) dilihat antara perkara wajar diberi perhatian serius oleh jabatan ini.

Pastikan isu ini dapat diruskan dan ditangani dengan bijak dan berhemah dengan kerjasama semua agensi terbabit. Kita tidak mahu pengguna jalan terus merungut mahupun mengemukakan pelbagai aduan dan maklum balas yang negatif tentang isu saman menyaman ini secara berterusan. Betul yang bersalah wajar dihukum, tetapi pastikan hukumannya setimpal dan dilaksanakan secara profesional. Pada masa sama kita juga perlu memikirkan soal didikan dan pengajaran. Kita tidak mahu hukum semata-mata kerana ia tidak menyelesaikan masalah pokok dalam jangka masa yang panjang. Justeru, aspek Pencegahan melalui didikan kepada pengguna jalan raya wajar diutamakan.

Begitu juga halnya dalam urusan kemalangan, terutama kemalangan maut yang berlaku di negara kita. Betul kemalangan dan kematian sering dikaitkan dengan takdir dan ketentuan Tuhan, namun persoalannya apakah kita sudah mengambil segala langkah yang wajar bagi mengelak sesuatu kemalangan itu berlaku. Dalam soal inilah kita memerlukan pendekatan lebih proaktif dan efisyen dari jabatan baru ini. Andai selama ini dengan pelbagai pendekatan, termasuk kumpulan keselamatan jalan raya yang diadakan kita masih gagal menyedarkan pengguna serta menurunkan kadar kemalangan maut, apa pula langkah seterusnya dan pembaharuan yang hendak dilaksanakan selepas ini. Perkara inilah yang patut difikirkan oleh jabatan baru ini agar kita dapat cari formula mujarab mengurangkan kadar kemalangan maut.

Jadi sebenarnya kita meletakkan harapan yang cukup besar kepada jabatan baru ini agar dapat melaksanakan transformasi dan inovasi menyeluruh dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan maut di negara kita. Bagi penulis apapun usaha dan inisiatif yang hendak dilakukan ia perlulah terlebih dulu memberi

penekanan kepada aspek pencegahan dan juga didikan berbanding hukuman. Hukuman sewajarnya menjadi pilihan dan opsyen terakhir. Hukuman boleh diutamakan kepada pengguna jalan raya yang sememangnya degil dan mempunyai sikap yang suka melanggar peraturan. Walaupun mungkin tidak ramai tetapi seringkali menimbulkan pelbagai masalah kepada orang lain, malah boleh membahayakan nyawa pengguna jalan raya yang lain. Justeru, kita setuju sangat agar kelompok ini dikenakan tindakan yang paling tegas termasuk sehingga membatalkan lesen memandu jika perlu.

Namun, percayalah majoriti pengguna jalan raya tidak termasuk dalam kategori yang degil itu. Mereka seboleh-bolehnya cuba mematuhi peraturan, namun adakalanya terbiasa mahupun keadaan tidak mengizinkan di samping sikap mereka. Maka kita berharap golongan ini diberi perhatian lebih agar dapat dibentuk dan dididik secara berterusan supaya terus mematuhi peraturan lalu lintas yang sedia ada. Bantulah mereka untuk mengubah sikap ketika berada dia tas jalan raya. Apa yang penting dalam konteks ini adalah konsep mengutamakan aspek pencegahan dan didikan secara berhemah.

Dalam pada itu, kita juga berharap dengan adanya sebuah jabatan khas segala inisiatif, termasuk kumpulan keselamatan jalan raya yang bakal dibuat dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Kita tidak mahu ia bersifat sementara dan bermusim misalnya hanya dibuat ketika musim perayaan semata-mata. Masyarakat perlu diberi peringatan dan disedarkan sepanjang masa mengenai natijah memandu secara berbahaya dan tidak mematuhi peraturan kerana pemanduan berlaku setiap hari begitu juga dengan kemalangan maut. Ambillah juga peluang ini untuk menyemak semula segala kumpulan yang sedia ada agar ia dapat memberi impak yang sewajarnya.

Semoga segala usaha baik ini dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan maut di negara kita. Kita tidak mahu jalan raya terus menjadi pusara tidak bernama di negara ini.